

UM 11. 12. 99

Azmi sifat kan pelanti kan ५५ penghormatan kepada Perlis

KANGAR 10 Dis. — Bekas Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid menyifatkan pemilihan beliau sebagai menteri penuh yang pertama kalinya dari Perlis adalah satu penghormatan besar kepada Barisan Nasional (BN) dan rakyat negeri ini.

Beliau yang dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad atas kepercayaan yang diberikan kepadanya untuk mengetuai satu kementerian.

Mengulas mengenai pelantikannya di sini hari ini, beliau juga berterima kasih kepada penyokong dan mereka yang mengundi BN sehingga mengekalkan kedudukannya sebagai Ahli Parlimen Padang Besar pada pilihan raya lalu dan seterusnya dilantik ke jawatan menteri.

Selaku menteri bagi kementerian yang sebelum ini diketuai oleh Datuk Annuar Musa, beliau berjanji akan menunaikan tanggungjawabnya sedaya upaya yang boleh khusus membantu negeri-negeri yang memerlukan bantuan.